

# ASNAF ZAKAT : TUMPUAN TERHADAP PEMBERIAN ZAKAT KEPADA MANGSA BENCANA ALAM

AMIR YUSOFF  
Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## PENDAHULUAN

*Asnaf* zakat telah disebutkan secara nassi di dalam al-quran iaitu 8 bahagian termasuklah orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, muallaf, bagi tujuan pembebasan hamba, bagi golongan yang berhutang untuk jalan Allah dan bagi yang sedang dalam perjalanan (al-Quran 9 : 60). Fokus utama kajian ringkas ini adalah terhadap *saham fi sabil Allah* yang menjadi polemik di antara ulama. Ada yang menyempitkan makna *fi sabil Allah* dan ada yang meluaskan pemahamannya. Perbincangan ini bukanlah hanya untuk menyenaraikan pendapat-pendapat yang bercanggah di antara ulama tetapi lebih kepada analisa yang kritis bagi memastikan kebenaran yang tulen yang perlu dipatuhi dan merupakan perbincangan yang melibatkan keharusan *talfiq* selagi sesuatu masalah itu masih kabur dan tidak nyata. Perbincangan juga melibatkan *masalahah* yang menjadi alasan dan senjata utama bagi mereka yang mengeluarkan hukum tanpa asas, tanpa memahami dengan mendalam maksud sebenar *masalahah* dalam *Usul al-Fiqh*. Ramai golongan yang suka bercakap mengenai *Fiqh* tapi tidak didasarkan pada asas sebenar *Fiqh* itu iaitu *usul al-Fiqh*. Realitinya amalan peluasan makna *fi sabil Allah* memang dipraktikkan di Malaysia tanpa diambil kira asas sebenar syariah. Pemberian zakat kepada mangsa bencana alam, adakah menepati makna *fi sabil Allah* atau tidak?

Pendapat-pendapat ulama terhadap saham *fi sabil Allah*

### A. Golongan yang menyempitkan makna *fi sabil Allah*.

#### Mazhab Hanafiyy

Imam Abu Yusof berpendapat bahawa makna *fi sabil Allah* bermaksud tentera-tentera Islam yang tidak berkeupayaan menyertai perang

disebabkan kemiskinan yang dialami, ini merupakan maksud yang mula terlintas di fikiran (al-Kasani 1997 : jil. 2,472).

Imam Muhammad al-Hassan pula berpendapat *fi sabil Allah* bermaksud orang yang tidak cukup kelengkapan menunaikan haji dengan beralaskan kepada satu hadis bahawa seorang lelaki hendak menyerahkan seekor unta untuk tujuan perang tetapi Rasulullah menyuruh beliau menyalurkannya untuk tujuan haji (al-Kasani 1997 : jil.2,472).

Al-Kasani dalam *Badai' al-sanai'* menjelaskan bahawa maksud *fi sabil Allah* adalah semua bentuk amalan mendekatkan diri dan ketaatan kepada Allah (Ibn 'Abidin 1994 : jil.3,289).

Ibn Nujaym dalam *al-Bahr* mengatakan bahawa unsur kefakiran mestilah ada pada setiap bahagian (Ibn Nujaim 1997 : jil.2,422).

Disyaratkan pemilikan harta zakat pada *asnaf*, maka tidak boleh disalurkan untuk pembinaan masjid, kafan serta pembayaran hutang mayat, pembinaan jambatan, terusan, pembinaan jalan, haji dan jihad yang tiada kaitan dengan pemilikan harta (Ibn Abidin 1994 : jil.3,291).

Ringkasnya ulama Mazhab Hanafi mentakrifkan *fi sabil Allah* sebagai amalan-amalan yang mendekatkan diri dan ketaatan kepada Allah serta mensyaratkan wujudnya sifat kefakiran bagi bahagian *fi sabil Allah* kecuali bahagian amal dan berlakunya pemilikan harta, maka tidak harus disalurkan zakat pada pembinaan masjid, pembinaan jambatan, tali air, jalan dan sebagainya.

### Mazhab Malikiyy

Ibn al-Arabi dalam *Ahkam al-Quran* meriwayatkan daripada Imam Malik bahawa maksud *fi sabil Allah* banyak maknanya, tetapi tiada perselisihan pendapat tentang makna perang pada jalan Allah (Ibn al-Arabi 1967 : jil.2,957).

Muhammad Ibn al-Hakam mengatakan bahawa zakat boleh disalurkan bagi mendapatkan binatang dan senjata bagi kegunaan perang, bagi menahan kemaraan musuh kerana semuanya untuk masalah perang berhujahkan pada satu hadis yang menerangkan bahawa Rasulullah S.A.W pernah menyalurkan zakat dalam bentuk seratus ekor unta kepada jajahan

kekuasaan Sahal Ibn Abi Hathmah bagi meredakan penentangan (Ibn al-Arabi 1967 :jil.2,957).

Al-Dardir menjelaskan dalam *Syarh ala Matan Khalil* bahawa zakat diberikan kepada tentera-tentera dan keperluan mereka seperti senjata dan kuda (pengangkutan), walaupun tentera itu kaya kerana ia menerima zakat melalui bahagian jihad bukan kefakiran. Diberikan juga kepada pengintip-pengintip walaupun seorang kafir tetapi tidak boleh disalurkan pada pembinaan benteng negara dan dalam perkara yang mempunyai kaitan sebahagian sahaja dalam perang.

Dalam tafsir al-Qurtubi dinyatakan bahawa maksud *fi sabil Allah* adalah tentera-tentera serta kelengkapan yang berkaitan sama ada miskin kaya dan ini adalah mazhab Maliki (al-Qurtubi 1996 : jil.8,172).

Ringkasnya, makna *fi sabil Allah* dalam Mazhab Maliki bermakna bagi tujuan peperangan, jihad dan yang berkaitan dengannya, tidak hanya tertakluk pada tentera tetapi lebih meluas pemahamannya merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan persediaan perang dan boleh disalurkan zakat walaupun pada orang kaya.

### **Mazhab Syafi'iy**

Al-Nawawi dalam Minhaj al-Talibin menjelaskan bahawa maksud *fi sabil Allah* bermakna tentera-tentera yang tidak menerima gaji daripada kerajaan, iaitu bermakna tentera yang sukarela menyertai peperangan (al-Nawawi 2000 : jil.2,403).

*Al-Syafi'iy* menjelaskan dalam *al-Umm* bahawa bahagian *fi sabil Allah* disalurkan kepada tentera yang berada dalam kawasan sesuatu zakat yang disalurkan, sama ada pada yang kaya atau miskin kecuali diperlukan sebaliknya (al-Syafie 1993 : jil.2,97).

Ringkasnya, Mazhab *Syafi'iy* memfokuskan makna *fi sabil Allah* hanyalah untuk jihad, tentera yang tidak menerima gaji dan yang berkaitan dengannya walaupun ia kaya.

### **Mazhab Hanbaliyy**

Mazhab *Hanbaliyy* sama dengan Mazhab *Syafi'iy* dalam mentakrifkan *fi sabil Allah* iaitu dengan makna tentera-tentera sukarela yang tidak

menerima gaji daripada kerajaan atau yang menerima gaji tetapi tidak mencukupi keperluan mereka untuk berperang walaupun ia kaya.

Al-Bahuti menjelaskan bahawa tidak harus disalurkan zakat selain daripada yang disebutkan oleh Allah seperti pembinaan masjid, jambatan, terusan, pembinaan jalan, kafan mayat dan semua bentuk kebaikan untuk keredaan Allah kerana lafaz **لِسَابِلِ** dalam ayat zakat tersebut bermakna hanya (al-Bahuti 1982 : jil.2,283).

Terdapat dua riwayat Imam Ahmad berkaitan dengan haji :

1. Haji termasuk dalam *fi sabil Allah* berdasarkan pada hadis *Umm Mi'qal al-Asadiyyah* bahawa suaminya menyerahkan seekor unta untuk tujuan jihad tetapi beliau ingin menggunakannya untuk tujuan haji lantas meminta unta tersebut daripada suaminya tetapi enggan, maka perkara ini diadukan pada Rasulullah dan baginda memutuskan supaya diberikan pada Umm Mi'qal dengan sabda : *"Haji dan Umrah itu termasuk fi sabil Allah"*.
2. Haji tidak termasuk *fi sabil Allah* seperti pendapat majoriti ulama. Ibn Qudamah dalam al-Syarh al-Kabir menjelaskan bahawa ini lebih tepat kerana *fi sabil Allah* bermakna jihad merupakan maksud yang pertama terlintas di fikiran kerana sebahagian besar ayat al-Quran yang menggunakan perkataan sabil Allah membawa erti jihad, ini merupakan zahir ayat (Ibn Qudamah 1995 : jil.4,104).

## RUMUSAN

Hasil daripada kajian ringkas ini menunjukkan bahawa keempat-empat mazhab bersepakat mengatakan bahawa :

1. Jihad atau perang kerana Allah termasuk dalam *fi sabil Allah*.
2. Penyaluran zakat terhadap tentera-tentera yang terlibat dengan jihad.
3. Ketidakhurusan penyaluran zakat bagi tujuan masalah umum seperti pembinaan empangan, terusan, masjid, sekolah, jalan, urusan jenazah.

## **B. Gologan yang memperluaskan makna *fi sabil Allah*.**

### **Al-Razi**

Beliau menyatakan dalam takfsirnya : "Zahir lafaz *fi sabil Allah* tidak menunjukkan pengkhususan terhadap tentera sahaja justeru al-Qaffal menyatakan dalam tafsirnya mengikut sebahagian fuqaha mengharuskan pembahagian zakat kepada semua bentuk kebaikan seperti mengkafankan mayat, pembinaan benteng dan masjid kerana *fi sabil Allah* umum bagi semua". (al-razi 1995 : jil.8,115).

### **Anas Ibn Malik dan al-Hassan**

Ibn Qudamah dalam al-Mughni menyatakan bahawa Anas dan al-Hassan al-Basri pernah mengatakan bahawa "*apa yang anda salurkan pada pembinaan jambatan dan jalan ia adalah sedekah yang diterima*" (Ibn Qudamah 1995 : jil.4,104).

### **Al-Imamiyyah al-Ja'fariyyah**

Kitab *al-Mukhtasar al-Nafi'* menjelaskan bahawa *fi sabil Allah* bermakna setiap perkara kebaikan dan kepentingan umum seperti haji, jihad dan pembinaan jambatan dan ada pendapat yang mengatakan bahawa ia khusus untuk jihad sahaja.

Kitab *Syarai' al-Islam* menyebutkan bahawa kepentingan umum seperti pembinaan jambatan, masjid, haji dan semua bentuk kebaikan termasuk dalam kategori *fi sabil Allah* (Muhammad jawwad t.th : jil.1,87).

### **Al-Zaidiyyah**

Pengarang *al-Rawd al-Nadir* menjelaskan bahawa Imam Zayd mengatakan bahawa zakat tidak boleh disalurkan pada urusan jenazah atau pembinaan masjid, tetapi beliau sendiri menyalahi pendapat Imam Zayd dengan mentarjihkan peluasan makna *fi sabil Allah* (al-Siyaghi t.th ; jil.2,621). Dalam *Syarh al-Azhar* dinyatakan bahawa harus disalurkan zakat untuk kepentingan umum umat Islam dan ini adalah nas atau keterangan Imam al-Hadi.

## **Al-Sayyid Rasyid Ridha**

Beliau berpendapat bahawa *fi sabil Allah* bermaksud masalah-masalah umum umat Islam bagi tujuan agama dan negara bukan untuk persendirian, yang paling baik dan patut diutamakan ialah untuk jihad; pembelian senjata, bekalan makanan askar, pengangkutan tentera dan sebagainya, tetapi segala peralatan tersebut perlulah dikembalikan balik pada baitulmal disebabkan sifat *fi sabil Allah* hanya sah semasa berlakunya peperangan. Termasuk juga pembinaan hospital tentera, kebajikan umum dan pembinaan jalan-jalan, landasan keretapi tentera, menara-menara tentera, lapangan terbang tentera, bagi tujuan bekalan pendakwah-pendakwah Islam melalui institusi-institusi yang berkaitan (Rasyid Ridho t.th : jil.10,585).

## **Al-Syaikh Mahmud Syaltut**

Beliau berpendapat bahawa makna *fi sabil Allah* bermaksud kepentingan-kepentingan umum yang tidak dimiliki oleh sesiapaupun hanya untuk jalan Allah dan untuk kepentingan manusia. Perlu diutamakan persiapan perang bagi mempertahankan kehormatan daripada musuh, termasuklah peralatan yang canggih, hospital tentera dan awam, pembinaan jalan, bagi tujuan pendakwah Islam....dibolehkan penyaluran zakat bagi tujuan pembinaan masjid dengan syarat mengikut keperluan sahaja (Syaltut 1991 : 119).

## **ANALISA**

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh setiap golongan menunjukkan bahawa majoriti fuqaha memiliki hujah yang lebih kukuh dan konkrit berbanding golongan yang memperluaskan makna *fi sabil Allah*. Golongan ini hanya berhujahkan dengan hujah berikut :

1. Umum ayat zakat yang menunjukkan maksud yang merangkumi semua kebajikan.
2. Riwayat-riwayat tabiin dan tabi' tabiin tanpa alasan yang kukuh.
3. Tafsiran-tafsiran ulama tanpa berdasarkan pada nas atau hujah yang konkrit.

Sebaliknya majoriti fuqaha memiliki hujah dan alasan yang konkrit serta ilmiah dalam menentukan kehendak ayat zakat tersebut melalui hujah-hujah berikut :

1. *Takhsis al-'am* ; ayat zakat tersebut menunjukkan lafaz yang umum iaitu *fi sabil Allah* yang berfungsi mengumumkan makna tersebut iaitu merangkumi semua kebajikan untuk jalan Allah. Tetapi ayat yang bersifat umum ini telah ditakhsiskan oleh hadis yang menerangkan makna *fi sabil Allah* seperti hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah, dan al-Hakim; sahih mengikut syarat Bukhari dan Muslim iaitu sabda Rasulullah : *Tidak halal zakat bagi orang yang kaya kecuali lima golongan iaitu tentera berjihad pada jalan Allah....*perkataan tentera berjihad pada jalan Allah mentakhsiskan umum makna *fi sabil Allah* dalam ayat zakat. Tidak ada pertentangan pendapat ulama yang berhujahkan dengan prinsip umum dalam *takhsis al-'am* sama ada dengan dalil '*aqli* atau '*sam'i*'. (al-Ghazzali 1996 : 245).
2. Apabila berlawanan maksud dalam Quran dan Sunnah antara definisi dari segi bahasa dan syarak maka hendaklah diutamakan definisi syarak dahulu. Al-Ghazzali telah menyatakan bahawa pendapat yang terpilih adalah setiap definisi yang berkaitan dengan pernyataan atau suruhan maka perlulah disesuaikan dengan makna syarak (al-Ghazzali 1996 : 190). Ini bermakna maksud *fi sabil Allah* dari segi syaraknya adalah jihad atau perang pada jalan Allah kerana perbincangan zakat merupakan perbincangan syarak bukan perbincangan bahasa.
3. Perkataan *fi sabil Allah* jika diperluaskan maknanya maka ini menyebabkan berlakunya fenomena pengulangan terhadap ayat Allah tanpa faedah sedangkan Allah Maha Suci daripada sifat yang sedemikian. Sekiranya kehendak *fi sabil Allah* merangkumi semua amal kebaikan maka tidak perlu lagi Allah menyebutkan asnaf yang tujuh selain *fi sabil Allah*. Ini bermakna penetapan kelapan-lapan asnaf tersebut mempunyai tujuan dan hikmah iaitu mengkhususkan *fi sabil Allah* untuk tujuan jihad atau perang *fi sabil Allah* bukan sebaliknya. Ini dikuatkan lagi dengan penggunaan kalimat **امن!** yang bermaksud hanya iaitu lapan golongan itu sahajalah yang berhak menerima zakat. Sekiranya makna umum yang dimaksudkan, maka kalimah *Innama* itu juga tidak ada faedahnya disebutkan dan Allah Maha Suci daripada tuduhan-tuduhan seperti ini.

4. Kebanyakan ayat Quran dan hadis Rasulullah apabila membicarakan tentang *fi sabil Allah* merujuk kepada jihad atau perang *fi sabil Allah* sekiranya tidak ada *qarinah* yang memesongkan maknanya kecuali beberapa ayat dan hadis yang menunjukkan makna umum *fi sabil Allah* disebabkan terdapat *qarinah*. Perkataan *fi sabil Allah* dalam ayat zakat tersebut mempunyai makna yang khusus disebabkan tidak terdapat *qarinah* yang dapat memesongkan maknanya.
2. Sekiranya pemberian zakat kepada mangsa bencana alam dikategorikan sebagai *masalahah*, adakah ia menepati prinsip *masalahah* yang sepatutnya? Tambahan pula mazhab Syafie tidak mengiktirafkan penggunaan *masalahah* dalam penghasilan hukum secara mutlak dan itulah yang hak (al-Amidi 2000 : jil.4,919). Kalau dikatakan fenomena *talfiq* mazhab harus dipraktikkan maka adalah adil jika dilaksanakan juga pada semua aspek syariah tidak hanya bab zakat malah dalam bab-bab yang lain juga. Sekiranya dipraktikkan juga prinsip *masalahah* ini terhadap penyaluran zakat kepada mangsa-mangsa bencana alam (setelah kajian terperinci menunjukkan bahawa Imam syafie juga mempraktikkan *masalahah* dengan nama penghujahan dengan asas-asas syariah yang umum serta menyeluruh) maka ia termasuk dalam perkara yang dinyatakan oleh al-Ghazzali : "Setiap *masalahah* yang tidak menjuruskan kepada tujuan-tujuan syariat daripada Qur'an, hadis dan ijma' tergolong dalam *masalahah* yang janggal yang tidak menepati kehendak syarak maka hukumnya batil dan tidak perlu dipraktikkan. Sesiapa yang mempraktikkannya seolah-olah membuat syariat yang baru "(al-Ghazzali 1996 : 179). Setelah diteliti hujah-hujah majoriti ulama jelaslah bahawa penyaluran zakat kepada mangsa bencana alam tidak menepati prinsip *masalahah* yang sebenar.

## KOMPROMI

Pengagihan zakat yang telah, sedang dan akan dilakukan perlulah diteliti dengan penuh keinsafan. Pemberian zakat kepada mangsa-mangsa bencana alam bukanlah tidak boleh disalurkan kepada mereka disebabkan mangsa bencana alam ini berbeza situasinya menurut individu. Contohnya pemberian zakat masih boleh diberikan kepada mereka melalui *asnaf* yang lain seperti mangsa yang mengalami kefakiran atau kemiskinan setelah ditimpa bencana alam tetapi bukan semua mangsa boleh dikategorikan

sebagai fakir atau miskin. Begitu juga boleh disalurkan melalui *asnaf gharimin* tetapi kalau hanya sekadar penghutang kenapa dikhususkan kepada mangsa bencana alam sahaja sedangkan boleh dikatakan semua orang berhutang.

## **KESIMPULAN**

Rumusannya, majoriti ulama termasuklah mazhab yang empat mengkhususkan makna *fi sabil Allah* dengan makna jihad atau perang dan yang berkaitan dengannya. Hanya segelintir sahaja yang memperluaskan makna tersebut dengan hujah yang rapuh. Pemberian zakat kepada mangsa bencana alam memang jelas tidak terdapat dalam *asnaf* yang lapan yang disebutkan dalam Qur'an. Sebagai alternatifnya segala bantuan yang hendak disalurkan kepada mangsa-mangsa berkenaan bolehlah diambil daripada sumber-sumber kewangan yang lain selain zakat ataupun diteliti dan dibuat analisa sekiranya di antara mangsa-mangsa yang terbabit tergolong dalam *asnaf* yang tujuh selain *fi sabil Allah*. Wallahua'lam.